

11 JAN 2001

STAF KONGRES AMERIKA KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bertemu dengan sembilan staf Kongres Amerika Syarikat yang mengunjunginya di pejabat beliau di Putrajaya.

Pertemuan selama 45 minit itu menyentuh pelbagai isu membabitkan kedua-dua negara.

Dua hari lepas, staf Kongres Amerika Syarikat itu mengunjungi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan semalam, mereka menemui wakil media tempatan di bangunan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) di Jalan Tun Razak.

Sebelum itu, Dr Mahathir menerima kunjungan Ketua Pemerintah, Markas Pasifik Tentera Laut Amerika Syarikat Laksamana Dennis C. Blair yang melawat Malaysia selama tiga hari, di pejabat Perdana Menteri di sini.

Sebelum mengunjungi Perdana Menteri, Blair juga menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabat beliau di sini.

Semalam, Blair yang mengambil alih jawatan itu pada Februari 1999, menemui Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zahidi Zainuddin dan Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal di Kementerian Pertahanan.

Staf kongres itu kemudiannya menemui Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan esok, beliau dijadual menemui Menteri Pertahanan Datuk Najib Tun Razak.

Mereka akan berlepas pulang pada Sabtu.

-- BERNAMA

MHI ZS LAT